

Implikasi sistem pengaliran (streaming) di sekolah



MINDA PENDIDIK

ABDUL SAID AMBOTANG

Bersama Mohd Yusof Abdullah,
Baharom Mohamad, Shukri Zain,
Muhammad Suhaimi Taat dan Roslee Talip

Sambungan minggu lalu

UB 10.7.13 B4

UNTUK kepentingan dalam kecekapan pengajaran, pelajar perlu dikelaskan supaya semua pelajar mendapat manfaat dalam pelajarannya. Pengkelasan kemampuan membantu guru menyesuaikan teknik pengajaran mereka ke atas pelajar yang mempunyai pelbagai tahap. Sebagai contoh, guru boleh mengajar topik dengan lebih cepat atau lebih perlahan bergantung kepada keperluan pelajar. Guru-guru boleh menyesuaikan buku teks dan bahan pengajaran lain yang hampir dengan kemampuan pelajar berbanding dalam kelas gabungan. Pengaliran juga akan memberi ruang persaingan dalam kesamaan peluang yang diberikan. Persaingan yang adil dapat diwujudkan kerana

pelajar dikumpulkan mengikut tahap kebolehan yang sama. Semua pelajar mempunyai peluang yang sama untuk menonjolkan diri dan memperlihatkan potensi masing-masing.

Walaupun terdapat manfaat yang wujud menerusi sistem pengaliran, tetapi secara keseluruhannya sistem ini dilihat lebih banyak memberi kesan yang negatif terutamanya di kelas lemah. Ini kerana pelajar di kelas lemah sering dibeza-bezakan dari segi kemudahan pembelajaran di sekolah, layanan dan jangkaan guru-guru terutamanya dalam bidang akademik. Maka tujuan pengaliran yang dibuat untuk membantu pelajar tidak dapat dicapai sepenuhnya, sebaliknya menyebabkan terbentuknya subbudaya di kalangan pelajar yang dialirkan sama ada pro atau antibudaya sekolah.

Sistem pengaliran akan menyebabkan pelajar yang lemah akan terus menjadi mangsa dan merasa terpinggir. Imej sendiri mereka akan terjejas kerana

mereka bukan sahaja diajar oleh guru-guru yang kurang pandai tetapi juga guru-guru yang berkenaan tidak akan menjangkakan mereka akan menjadi pelajar yang pandai.

Akibatnya pencapaian mereka akan sukar ditingkatkan dan ini akan mengurangkan daya saing dalam sesebuah kelas. Begitu juga yang akan berlaku kepada pelajar pandai yang diletakkan di kelas aliran sains semestinya dianggap oleh guru sebagai keputusan peperiksaan yang memberangsangkan. Akibat yang timbul dari keadaan ini ialah pelajar mungkin akan rasa tertekan kerana guru mengharapkan pencapaian yang lebih tinggi. Padahal untuk mengekalkan pencapaian sahaja sudah menjadi satu bebanan pada mereka. Sedangkan, realitinya tidak semua pelajar pandai akan dapat mengekalkan prestasi mereka kerana biasanya pencapaian akan berubah mengikut tahap

umur dan tingkatan. Begitu juga jangkaan guru kepada seseorang pelajar menjelang peperiksaan adalah berbeza di mana guru tidak mengharapkan sangat kepada pelajar yang lemah untuk mendapat keputusan yang baik. Dengan ini pelajar yang lemah merasa tidak yakin oleh sebab tidak adanya rangsangan dari gurunya sendiri. Sedangkan pelajar yang terpilih ke kelas yang bijak, jangkaan guru terhadap mereka adalah lebih tinggi dan bersifat positif.

Sistem pengaliran yang mengasingkan kelas pelajar pandai dan kelas pelajar lemah akan mengakibatkan jurang perbezaan akademik semakin melebar dan kewujudan stratifikasi sosial pelajar di sekolah. Ini akan menyebabkan hubungan antara dua kumpulan pelajar tersebut akan menjadi kurang mesra di mana pelajar yang pandai akan menjadi ego, sombong dan memandang rendah kepada pelajar yang lemah. Bagi pihak guru, sistem pengaliran

akan mengurangkan motivasi mereka disebabkan rasa bosan dan menganggap proses pengajaran adalah tidak mencabar apabila mengajar pelajar di kelas yang lemah. Secara tidak langsung mereka tidak dapat memberikan motivasi kepada pelajar yang lemah. Malah, wujud sebilangan kecil guru yang selalu mengutuk pelajar yang lemah. Selain itu, kebosanan guru juga berpunca daripada kaedah pengajaran yang boleh diaplikasi dalam kelas yang lemah adalah bersifat tradisional dan tidak kreatif. Guru khatir kepelbagaian kaedah akan menyebabkan pelajar yang lemah tidak dapat menguasainya. Ini boleh menjatuhkan prestasi pencapaian pelajar dalam kelas yang lemah. Manakala dari aspek penyediaan unit pengajaran, guru terpaksa membuat perbezaan mengikut kelas-kelas pelajar. Unit pengajaran bagi kelas pandai akan lebih cepat diselesaikan manakala unit pengajaran bagi kelas yang lemah akan selesai dalam proses

yang perlahan. Situasi ini akan menyukarkan guru kerana dalam masa yang sama terpaksa mengajar dalam unit yang berlainan.

Secara umumnya sistem pengaliran di sekolah lebih banyak memberikan kesan yang negatif berbanding positif. Sistem tersebut secara tidak langsung telah menyebabkan guru dan pihak pentadbir kurang penghayatan terhadap Falsafah Pendidikan Negara dalam melaksanakan kurikulum. Pelajar yang lemah juga berdepan dengan masalah tekanan, kurang bermotivasi dan tidak berdaya saing. Manakala pelajar yang pandai juga tidak terlepas daripada masalah tekanan daripada guru dan pihak sekolah. Diharapkan agar ada pendekatan yang terbaik untuk menambahbaik sistem pengaliran yang wujud di negara pada masa kini.

**Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah dan dapat dihubungi melalui solat5@yahoo.com*